

04 NOV 1999

Mahathir-Bahasa

RAKYAT TETAP SETIA WALAUPUN GUNA BAHASA IBUNDA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perasaan cinta dan setia kepada negara tetap tersemai di kalangan rakyat Malaysia walaupun sistem pendidikan negara membenarkan penggunaan bahasa ibunda di sekolah.

"Walaupun bahasa yang digunakan bukan bahasa kebangsaan, ini tidak bermakna mereka tidak didedahkan dengan perasaan cinta dan setia kepada negara," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Seminar Pendidikan Guru-guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Malaysia di Seri Kembangan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata rakyat perlu menyedari bahawa walau apapun keturunan masing-masing, Malaysia ialah negara mereka dan kesetiaan perlu disemai di hati anak-anak masing-masing.

Katanya lagi, dengan kesetiaan inilah Malaysia sebagai negara berbilang kaum dapat terus mengekalkan keharmonian dan terus berjaya.

Beliau turut meminta semua guru sekolah jenis kebangsaan dan sekolah kebangsaan memandang tugas mereka bukan semata-mata sebagai mata pencarian tetapi sebagai tanggungjawab nasional dalam membangunkan generasi akan datang yang mampu mengharungi cabaran dalam dunia berasaskan pengetahuan.

Dr Mahathir berkata jika guru menggunakan waktu bertugas untuk kegiatan lain daripada membekalkan ilmu kepada murid, ini akan mengakibatkan generasi selanjutnya miskin ilmu.

"Guru sebegini hanya mengkhianati bangsa mereka sendiri... memandangkan penyampaian ilmu menjadi jauh lebih penting sekarang berbanding dahulu," katanya.

Beliau berkata penggunaan bahasa selain bahasa kebangsaan di sekolah juga mencerminkan sikap toleransi yang diamalkan di negara ini dalam menjaga hubungan antara kaum.

"Tidak ada paksaan supaya bahasa kebangsaan sahaja digunakan," kata beliau dan menambah bahawa kebebasan turut diberikan kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka bersekolah sama ada di sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan.

Beliau menyifatkan kewujudan anak orang Melayu yang bersekolah di sekolah jenis kebangsaan sebagai satu perkembangan sihat asalkan ia tidak menghalang mereka daripada bertutur dengan fasih dalam bahasa kebangsaan.

Dr Mahathir turut menyentuh ucapan aluan presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Besar Malaysia (KKGGBM), Kang Siew Khoo yang mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi sekolah jenis kebangsaan Cina.

Sambil berkata saranan yang dibuat akan diberikan perhatian, perdana menteri mengingatkan bahawa kaum-kaum di Malaysia perlu menyedari bahawa tidak semua tuntutan mereka boleh dipenuhi.

"Kalau kita tak dapat semua tuntutan kita, tentu ada sebabnya. Kaum lain pun minta juga dan mereka pun tidak dapat 100 peratus," katanya.

Menurutnya lagi kerajaan tidak memberikan keutamaan keterlaluan kepada mana-mana kaum di negara ini dan inilah yang menyebabkan kejayaan negara mengurangkan ketegangan antara kaum.

Dr Mahathir berkata walaupun ada pihak yang tidak mahu peristiwa rusuhan kaum tahun 1969 diungkit, fakta sejarah negara itu tidak boleh dilupakan kerana ia boleh merugikan negara jika tidak diambil iktibar.

"Oleh kerana kerajaan Barisan Nasional berjaya mencipta pendekatan seimbang di bidang ekonomi dan politik, sejak 1969 kita tidak lagi

mengalami rusuhan kaum," katanya.

Dalam ucapan aluannya, Kang antara lain meminta kerajaan menangani masalah kekurangan kira-kira 5,000 guru di sekolah jenis kebangsaan Cina jika bilangan murid ialah 35 setiap kelas.

Selain itu, KKGGBM mencadangkan supaya guru sandaran ditawarkan mengikuti kursus dalam cuti selain melanjutkan perkhidmatan guru kontrak sebagai langkah mengatasi masalah itu.

Kang juga meminta para guru besar dan guru terus menanam semangat cintakan negara di kalangan pelajar dan membentuk generasi yang tahu membalas budi, berakhlak dan menghormati pemimpin negara.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

-- BERNAMA

MAM NMO